From: Jabatan Komunikasi Korporat
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: [TERKINI] SOG PERKASA KUALITI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN MENERUSI BENGKEL P&P
Date: Tuesday, 8 September, 2026 9:30:59 AM
Attachments: image002.png
image003.png

Jabatan Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION DEPARTMENT
Universiti Utara Malaysia
UUM TODAY
UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA | THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY

8 SEPTEMBER 2026 / 26 RABIULAWAL 1448H
==========

Oleh: Dr. Aidanajwa Sabri
Gambar oleh: Mohd Mahadi Mohd Razani

SOG PERKASA KUALITI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN MENERUSI BENGKEL P&P



UUM ONLINE: Pusat Pengajian Kerajaan (SoG), Universiti Utara Malaysia (UUM) terus memperkukuhkan kualiti akademik menerusi penganjuran Bengkel Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) yang memberi fokus kepada penambahbaikan strategi pengajaran bagi Program Sarjana Muda Pengurusan Pembangunan (BDM) dan Program Sarjana Muda Pengurusan Awam (BPM).

Dekan SoG, Prof. Dr. Halimah Abdul Manaf dalam ucapan aluannya berkata, peningkatan kualiti pengajaran dan pembelajaran perlu dilaksanakan secara berterusan agar selari dengan perubahan landskap pendidikan tinggi serta keperluan pelajar masa kini.



Menurutnya, pensyarah bukan sahaja berperanan menyampaikan kandungan kursus, malah perlu sentiasa menilai semula pendekatan pengajaran supaya lebih relevan, interaktif dan mampu menyokong pencapaian hasil pembelajaran.

“Pendekatan pengajaran dan pembelajaran perlu sentiasa dinamik dan responsif terhadap keperluan pelajar. Kita perlu memastikan setiap program yang ditawarkan mampu menyediakan pengalaman pembelajaran berkualiti serta membentuk graduan yang mempunyai pengetahuan dan kompetensi yang relevan,” katanya.



Dr. Halimah berkata, bengkel tersebut turut menjadi platform kepada warga akademik SoG untuk menilai amalan semasa, berkongsi pengalaman serta mengenal pasti ruang penambahbaikan dalam pelaksanaan kurikulum.

Bagi Program Sarjana Muda Pengurusan Pembangunan (BDM), sesi dikendalikan oleh Pensyarah Pusat Pengajian Pendidikan, Prof. Madya Dr. Muhammad Noor Abdul Aziz yang berkongsi pendekatan dan strategi pengajaran bagi meningkatkan keberkesanan proses pembelajaran pelajar.



Sementara itu, sesi bagi Program Sarjana Muda Pengurusan Awam (BPM) dikendalikan oleh Pensyarah Pusat Pengajian Teknologi Multimedia dan Komunikasi, Dr. S. Maartandan Suppiah dengan penekanan terhadap pendekatan pengajaran yang bersesuaian dengan perkembangan teknologi dan keperluan pembelajaran semasa.

Bengkel berkenaan turut membuka ruang perbincangan dan pertukaran pandangan dalam kalangan peserta bagi memperkukuhkan penyampaian kursus serta memastikan hasil pembelajaran program dan kursus dapat dicapai dengan lebih berkesan.



Penganjuran bengkel itu mencerminkan komitmen SoG dalam memperkasakan kecemerlangan akademik melalui penambahbaikan berterusan, perkongsian kepakaran dan penerapan pendekatan pedagogi yang relevan.

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.